

## KHUTBAH JUMAAT: PERSIAPAN MENYAMBUT HARI RAYA

PENGARANG: NURHELMI B. HJ. IKHSAN

الْحَمْدُ لِلَّهِ أَعْطَانَا أَفْضَلَ الشَّهْرِ، وَأَوْجِبَ فِيهِ الصَّوْمَ وَزَكَاةَ  
الْفِطْرِ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ  
سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah s.w.t. dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertaqwa serta selamat di dunia dan di akhirat.

Kita umat Islam pada masa ini telah pun memasuki hari-hari terakhir bulan Ramadan. Inilah saat dan ketikanya bagi kita merebut peluang terakhir untuk mempertingkatkan lagi amal ibadat demi untuk memperolehi ganjaran yang berlipat kali ganda yang dijanjikan oleh Allah s.w.t.. Persoalannya sekarang ialah sejauh manakah usaha kita dalam menghayati dan menjalani ibadat puasa pada tahun ini, kerana kita tidak tahu sama ada kita akan dipertemukan dengan Ramadan akan datang ataupun tidak.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Dengan bakal berakhirnya Ramadan yang mubarak ini, kita akan meraikan kedatangan bulan Syawal. Sudah tentu kita selaku umat Islam merasa gembira dengan kedatangannya, dalam masa yang sama kita merasa sedih untuk meninggalkan Ramadan yang penuh rahmat dan keberkatan ini. Pada masa ini tidak dapat dinafikan bahawa sebahagian besar di kalangan kita

telah pun membuat pelbagai persiapan untuk menyambut kedatangan Aidilfitri yang mulia, antaranya dengan menyediakan pelbagai keperluan rumah, pakaian, makanan dan minuman. Semua ini adalah semata-mata untuk meraikan Hari Raya Aidilfitri dalam suasana gembira.

Dalam masa yang sama, perlu diingat dalam kesibukan kita membuat persiapan bagi menyambut kedatangan bulan Syawal, janganlah kita lalai dan alpa tentang kewajipan yang perlu kita laksanakan iaitu membayar zakat khususnya zakat fitrah. Kewajipan itu adalah merupakan pelengkap ibadat puasa kita dan juga sebagai penutup kepada kecacatan-kecacatan yang berlaku dalam kita mengerjakan ibadah puasa.

Dalam kita sibuk membuat persiapan Hari Raya ini, kita perlulah mengamalkan sifat kesederhanaan dan tidak bermegah-megah sehingga membawa kepada sifat riya' dan pembaziran. Allah s.w.t. telah mengingatkan kepada kita bahawa orang-orang yang membazir itu adalah saudara dengan syaitan. Firman Allah s.w.t. dalam Surah al-Israa' ayat 26 - 27:

Maksudnya:

"Dan berikanlah kepada kerabatmu, dan orang miskin serta orang musafir akan haknya masing-masing; dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampau-melampau. Sesungguhnya orang-orang yang boros itu saudara-saudara syaitan, sedang syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya."

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Sebenarnya, kita menyambut Hari Raya Aidilfitri adalah bertujuan untuk meraikan kejayaan bagi mereka yang telah berjaya menjalani ibadah puasa dengan penuh keimanan dan ketaqwaan. Dalam hal ini, Islam menggariskan panduan tentang bagaimana cara untuk kita merayakan Hari Raya agar semua perkara yang dilakukan itu tetap menjadi ibadah.

Hakikatnya menyambut hari raya ialah untuk meraikan kejayaan dan kemenangan kita di medan perjuangan melawan hawa nafsu, memperbaharui azam, mengukuhkan tali persaudaraan antara sesama muslim dan mensyukuri nikmat dan petunjuk Allah s.w.t. sebagai tanda syukur. Cara yang sebaiknya untuk kita meraikannya ialah bermula sejak berakhirnya petang Ramadhan, malam menjelang hari raya sehingga selesai khutbah hari raya pada satu Syawal ialah dengan bertakbir, bertahmid, bertasbih sebanyak-banyaknya.

Dalam kita menyambut malam hari raya pertama, kita disunatkan menghidupkannya dengan memuji kebesaran Allah s.w.t. dengan melaungkan kalimah-kalimah takbir, di samping kita terus-menerus menghidupkannya dengan membaca al-Qur'an, berdoa, berzikir dan sebagainya. Akan tetapi janganlah kita merayakan malam hari raya tersebut dengan melakukan perkara-perkara yang boleh mendatangkan bahaya dan kemudharatan serta mengganggu ketenteraman orang lain seperti membakar mercun, bunga api dan sebagainya. Dan elakkanlah daripada membuat persiapan di saat-saat akhir sehingga larut malam yang boleh menjejaskan peluang kita untuk bersembahyang sunat hari raya di pagi raya.

Perlulah diketahui bahawa ada beberapa amalan sunat yang perlu dilakukan pada pagi hari raya seperti disunatkan mandi dengan niat kerana kedatangan Aidilfitri dan bukannya mandi semata-mata hanya untuk membersihkan diri. Di samping itu, kita disunatkan memakai bau-bauan yang harum, membersihkan diri dengan bergunting rambut dan memotong kuku serta memakai pakaian yang paling elok, kerana hari tersebut merupakan hari untuk berhias-hias dan berelok-elok.

Kita juga disunatkan memakan buah kurma dengan bilangan yang ganjil sebelum ke masjid bagi menunaikan sembahyang sunat hari raya, sebagaimana hadis Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh al-Bukhari yang bermaksud:

"Dari Anas ia berkata: Rasulullah s.a.w. tidak keluar pada waktu pagi hari raya fitrah sehingga ia makan terlebih dahulu beberapa biji kurma. Seterusnya Anas menceritakan bahawa Baginda memakan kurma itu dalam bilangan ganjil." .

Manakala perkara yang paling penting dan utama daripada perkara-perkara sunat yang lain dalam kita menyambut hari raya ialah menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya. Sebagaimana hadis Rasulullah s.a.w. maksudnya:

"Dari Al-Barra' ia berkata: Aku mendengar Nabi s.a.w. berkhotbah, sesungguhnya yang awal-awal sekali kita mulakan pada hari ini (Hari Raya) ialah sembahyang."

(Riwayat Bukhari).

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Telah menjadi kelaziman yang diamalkan oleh masyarakat kita, bagi memeriahkan suasana hari raya adalah dengan ziarah-menziarahi, kunjung-mengunjungi kaum keluarga, sanak saudara, jiran tetangga dan sahabat handai semata-mata memohon kemaafan demi mengeratkan lagi hubungan silaturrahim.

Dalam hal ini, apa yang perlu kita ingat ialah jangan sampai dalam kegembiraan itu, kita lupa kepada peringatan agama supaya perkara yang baik itu dijaga dan jangan dicemari oleh perkara-perkara yang tidak elok dan berdosa yang bertentangan dengan hukum syarak seperti bersalaman dengan bukan mahram, memakai pakaian yang mendedahkan aurat dan menjolok mata, menjamu dengan benda-benda haram seperti arak dan sebagainya.

Dalam suasana kegembiraan dan kemeriahan kita menyambut hari raya yang bakal menjelang tiba, kita juga tidak boleh melupakan kepada mereka yang kurang bernasib baik yang hidup susah dan menderita disebabkan kemiskinan dan musibah yang menimpa mereka.

Kita sebagai manusia yang mempunyai hati dan perasaan sudah tentu merasa tersentuh akan segala keperitan dan kesengsaraan yang dihadapi dan ditanggung oleh mereka yang ditimpa musibah itu. Dalam keadaan di mana mereka memerlukan bantuan untuk pemulihan kehidupan mereka, terutama sekali kanak-kanak yatim piatu, apakah hanya mencukupi dengan luahan simpati dan perasaan tanpa melakukan sesuatu yang lebih bermakna dan bermanfaat untuk mereka. Inilah masanya yang sesuai jika kita ingin memberi bantuan dan pertolongan kepada mereka yang kurang bernasib baik dengan menghulurkan sedikit bantuan. Walaupun sedikit yang kita hulurkan itu, tetapi ia membawa pengertian yang cukup besar dan sangat bermakna bagi mereka yang mengalami penderitaan, apatah lagi jika sumbangan itu disertai dengan niat ikhlas kerana Allah s.w.t..

Di kesempatan penghujung Ramadan ini, marilah kita sama-sama berusaha menggunakan kesempatan yang ada untuk lebih mempertingkatkan lagi ibadah kepada Allah s.w.t. khususnya ibadat puasa dan kelebihan-kelebihan yang ada padanya iaitu dengan mematuhi segala adab dan peraturan dalam kita mengerjakan ibadat tersebut, agar kita dapat merasakan kenikmatan berpuasa dan berhari raya yang sebenar-benarnya.

Akhirnya, marilah kita sama-sama merayakan hari kemenangan, hari raya yang akan menjelang ini dengan mentaati apa yang telah digariskan oleh agama Islam. Mudah-mudahan segala amal ibadah yang kita kerjakan selama ini diterima oleh Allah s.w.t. dan mudah-mudahan kita semua mendapat berkat dan rahmat serta keampunan dari-Nya. Firman Allah s.w.t. dalam Surah Ali-Imran ayat 133:

Maksudnya:

"Dan segeralah kamu kepada (mengerjakan amal-amal yang baik untuk mendapat) keampunan dari Tuhan kamu, dan (mendapat) Syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang bertaqwa."

بَارِكِ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعِنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ  
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ  
الرَّحِيمُ.